

# UMSKAL nekad kekal kejuaraan 2015

Um 9.4.2014 30

LABUAN 8 April - Kontinjen Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) tekad mahu mengekalkan kejuaraan dalam Kejohanan Sukan Staf UMS bagi kali ketiga berturut-turut pada tahun depan.

Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali berkata, hasrat itu tidak mustahil untuk dicapai ekoran prestasi terbaik yang ditunjukkan kontinjen pada dua musim sebelum ini.

"Kontinjen UMSKAL yang lebih dikenali sebagai 1KAL muncul juara pada 2013 dan 2014. 1KAL juga pernah muncul juara pada 2005 dan meraih emas bagi sembilan acara yang dipertandingkan," katanya dalam majlis jamuan makan meraikan kejayaan kontinjen 1KAL di ruang letak kenderaan UMSKAL di sini semalam.

Dalam majlis itu, Dr. Suddin Lada diumumkan sebagai Atlet Terbaik Lakaki manakala Atlet Terbaik Wanita 2014 ialah Siti Rahmat Lamit.

Bagi Anugerah Atlet Harapan Lakeli dimenangi Azli Abdullah manakala Anugerah Atlet Harapan Wanita pula disandang Sarina Puasa.

Ismail menambah, beberapa latihan persahabatan dengan jabatan dan agensi kerajaan sedang dan akan diadakan sepanjang tahun ini bagi memastikan atlet mengekalkan daya tahan serta pr-



**ISMAIL Ali (tengah) menyampaikan Anugerah Atlet Harapan Wanita kepada Sarina Puasa pada majlis jamuan makan meraikan kejayaan kontinjen 1KAL di ruang letak kenderaan di UMSKAL di Labuan, Sabah, kelmarin.**

estasi terbaik.

Beliau turut menyeru semua kakitangan UMSKAL supaya memanfaatkan kemudahan sukan yang disediakan dengan giat mengadakan latihan dan perlawanan persahabatan termasuk bersama para penuntut universiti berkenaan.

"Jika kita menggandakan latihan

sejak daripada awal, saya yakin kemenangan yang diidamkan boleh dicapai selain menjaga disiplin ketika menentang lawan.

"Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua atlet, jurulatih dan pengurus pasukan yang membantu 1KAL mengekalkan kejuaraan buat kali kedua berturut-turut," katanya.